

# Ekonomi akan pulih tanpa pergolakan politik

TANPA pergolakan politik di negara ini, kemurungan ekonomi akibat krisis kewangan global bakal menyaksikan tanda pemulihan dan pertumbuhan positif.

Pengarah Urusan icapital.biz Bhd (icapital), Tan Teng Boo berkata, masalah politik memberi kesan kepada ekonomi kerana ia belum kukuh.

Menurutnya, walaupun ekonomi sangat kukuh, tetapi masalah politik terus menjadi isu, maka akan berlaku masalah lebih besar.

"Paling buruk apabila ekonomi tidak begitu baik dan politik terus bermasalah akan menjelaskan pelaburan dan pasaran saham.

"Semua pihak harus melihat ekonomi jangka panjang secara menyeluruh, terutama selepas pemulihan kelak," katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan icapital Kelima di Kuala Lumpur, semalam.

Teng Boo berkata, kerajaan sepatutnya menumpukan pentadbiran

**icapital.biz Berhad**



(Dari kiri) Teng Boo, Pengurus icapital.biz Bhd, Tunku Tan Sri Ahmad Tunku Yahya dan Pengaruhnya, Michael Vitus Wong Kuan Lee selepas Mesyuarat Agung Tahunan Kelima di Kuala Lumpur, semalam.

negara, manakala perniagaan dan ekonomi diberikan ruang mengurus kepada usahawan, pelabur dan ahli perniagaan.

"Langkah itu bukan saja menstabilkan politik negara ini, malah dapat menarik lebih banyak pelaburan dan aliran masuk.

"Kestabilan politik memberi keyakinan pelabur terus merancakkan lagi perniagaan termasuk pasaran," katanya.

Beliau berkata, faktor paling penting yang perlu diberikan perhatian adalah penduduk Malaysia dan

ekonomi global.

"Selagi Malaysia tidak mengalami apa-apa pergolakan politik yang besar, jangka panjang bagi Bursa Malaysia akan kekal positif," katanya.

Julai lalu, icapital melabur dalam 17 syarikat dengan Parkson Holdings, Astro, KL-Kepong Bhd, F&N Holdings Bhd dan Petronas Dagangan Bhd mendahului senarai.

Ia membabitkan pelaburan RM156.99 juta, manakala jumlah keuntungan belum nyata sebanyak RM60.80 juta.